



فرتوبوهن كبڤساان ملايو برساتو
PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU
UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION (UMNO)
No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

KETUA PENERANGAN

KENYATAAN MEDIA

1. Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang bermesyuarat pada hari ini, 6 Januari 2021 (Rabu) mengambil maklum mengenai perjalanan Mesyuarat Perwakilan Bahagian-Bahagian dan Sayap-Sayap Wanita, Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Puteri yang berakhir pada 3 Januari 2021.

2. Mesyuarat juga memperhalusi semua usul yang dibangkitkan oleh 189 Bahagian-Bahagian UMNO yang telah bersidang di seluruh Malaysia. Antara usul-usul utama yang dibangkitkan oleh majoriti besar UMNO Bahagian-Bahagian:

- Mempertahankan hubungan kerjasama dengan PAS melalui Muafakat Nasional mengambil kira sentimen permuafakatan yang telah dibina ketika 22 bulan bersama-sama sebagai pembangkang.
- Memutuskan hubungan dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) semasa menghadapi Pilihanraya Umum ke-15.
- Menggesa supaya Pilihanraya Umum Ke-15 dapat diadakan sebelum berakhir suku pertama 2021 bagi membolehkan mandat baharu diserahkan kepada rakyat, tertakluk kepada keadaan COVID-19.

3. Maka, berasaskan usul-usul utama yang dibangkitkan oleh Bahagian-Bahagian; dan atas faktor-faktor berikut:

- Usul-usul ini menyentuh soal dasar dan pendekatan asas yang akan mempunyai kesan besar kepada masa hadapan parti dan negara;
- Perhimpunan Agung UMNO akan diadakan pada 31 Januari 2021;



Rakyat Didahulukan
People First



46322/A/0091/UK/En

BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT

- Peruntukan Perlembagaan UMNO dimana usul-usul Bahagian akan diangkat ke Perhimpunan Agung;

Mesyuarat bersetuju untuk membawa usul-usul ini ke Perhimpunan Agung UMNO pada 31hb Januari 2021 ini bagi dibahas dan diputuskan di peringkat tertinggi parti sebagaimana peruntukan Perlembagaan tersebut.

4. Mesyuarat juga memutuskan untuk menambah kekuatan jentera parti daripada negeri-negeri bagi usaha membantu mangsa-mangsa banjir termasuk pasca banjir. Skwad Sayang Wanita dan Skwad Sabil Pemuda juga telah dan akan digerakkan dengan lebih hebat.

5. Bagi tujuan menyelaraskan semua gerak-kerja penyampaian bantuan kepada mangsa banjir, sebuah 'Pasukan Khas UMNO Menangani Bencana' ditubuhkan dan akan dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Shahidan Kassim.

6. Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai pertukaran jawatan Setiausaha BN yang digalas semula secara tradisinya oleh Setiausaha Agung UMNO. Perkara ini sudah mendapat persetujuan lisan Presiden-Presiden Parti Komponen dan akan diabsahkan dalam Mesyuarat Dewan Tertinggi BN dalam masa terdekat.

SHAHRIL HAMDAN

6 JANUARI 2021